

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah pampasan yang terpaksa dibayar oleh MAHB berikutan gangguan sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, baru-baru ini.

JAWAPAN :

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 21 hingga 30 Ogos 2019, infrastruktur rangkaian lapangan terbang (*Airport Network Infrastructure*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) di KLIA yang menjelaskan operasi utama lapangan terbang. TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektronik di lapangan terbang yang dihubungkan melalui kabel optik fiber berkelajuan tinggi.
2. Insiden kegagalan rangkaian TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS), Sistem Imigresen, dan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS). Ini menyebabkan berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.
3. Sejak insiden kegagalan rangkaian TAMS di KLIA tersebut, sehingga kini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) masih belum menerima apa-apa tuntutan bayaran pampasan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak yang terkesan dengan insiden tersebut.
4. Walau bagaimanapun, MAHB akan menimbang setiap tuntutan pampasan yang dikemukakan tertakluk kepada pihak yang menuntut mengemukakan bukti dan sebab yang kukuh ekoran dari gangguan sistem di KLIA yang berlaku sejak 21 Ogos 2019 yang lalu.

Sekian, terima kasih.